



PELAN STRATEGIK
MAJLIS DAERAH JELEBU
2020 - 2024



KANDUNGAN

BIL	TOPIK	MUKA SURAT
1	Kata-kata Aluan YDP	3
2	Ringkasan Eksekutif	4
3	Pengenalan	5
4	Carta Organisasi	6
5	Fungsi Dan Peranan	7
6	Stakeholders Dan Pelanggan	8
7	Analisis Persekitaran	9-11
8	Visi	12
9	Misi	13
10	Nilai-nilai Bersama	14
11	Objektif Strategik	15
12	Strategi, Pelan, dan KPI	16-22
13	Peta Strategik	23-24
14	Penutup	25



KATA-KATA ALUAN YDP

Dalam keadaan ekonomi global yang mengalami krisis dan pelbagai cabaran, aspek peningkatan kecekapan dan produktiviti menjadi lebih penting kerana ia akan menjadi penentu sama ada pelabur berminat melabur di sesebuah negara. Oleh itu, penekanan terhadap aspek tadbir urus yang baik dalam mana-mana organisasi sama ada dalam sektor swasta atau sektor awam perlu diperhebatkan. Majlis Daerah Jelebu sendiri sedang mengorak langkah ke arah mencapai matlamat tersebut.

Usaha untuk menyegerakan sesuatu urusan juga mencerminkan peningkatan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan yang tidak semestinya melibatkan sebarang peruntukan tambahan. Sebagai penjawat awam, warga kerja Majlis Daerah Jelebu sentiasa dipertingkatkan supaya melaksanakan sesuatu tugas dengan segera, tanpa berlengah dan mempunyai “sense of urgency”. Mereka juga digalakkan mengkaji dan mencari jalan penambahbaikan supaya setiap urusan dapat dipermudah dan dipercepatkan.

Semoga inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan ini mendapat sokongan dan komitmen dari semua pihak terutamanya warga kerja Majlis Daerah Jelebu sendiri dalam melaksanakan misi dan mencapai visi yang telah ditetapkan.

YANG DIPERTUA



MAJLIS DAERAH JELEBU

RINGKASAN EKSEKUTIF

Majlis Daerah Jelebu telah mengambil beberapa inisiatif bagi melaksanakan transformasi dalam memberikan perkhidmatannya kepada masyarakat awam. Ianya bertujuan untuk mempertingkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan dan daya saing diantara PBT di Negeri Sembilan.

Untuk mencapai hasrat tersebut, Majlis Daerah Jelebu telah menetapkan beberapa hala tuju strategik dan melaksanakannya secara terperingkat bagi memberi impak kepada inisiatif tersebut.

Bagi tujuan tersebut, Majlis Daerah Jelebu telah menetapkan hala tuju pelaksanaannya melalui Pelan Strategik. Semoga ianya dapat mengambil pendekatan serta tindakan yang lebih strategik dalam menangani isu-isu bagi mempertingkatkan mutu dan kualiti perkhidmatan Majlis Daerah Jelebu.




PENGENALAN

Sebelum penubuhan Majlis Daerah Jelevu, terdapat beberapa Penguasa Tempatan seperti Lembaga Bandaran Kuala Klawang, Majlis Tempatan Titi dan Majlis Tempatan Pertang. Pengwujudan Majlis-Majlis Tempatan dan Lembaga-Lembaga Bandaran yang kecil ini bukan sahaja kecil dari segi bilangan penduduknya, malah amat kurang sumber kewangan dan punca pendapatan.

Justeru itu, ianya menjejaskan keupayaan untuk menjalankan kegiatan yang memuaskan dan berkesan dalam bidang ekonomi ditambah pula dengan kekurangan kakitangan. Hampir dua puluh lima (25) tahun Majlis-Majlis Tempatan dan Lembaga Bandaran ini telah menjalankan kegiatan dan perkhidmatan kepada masyarakat di kawasanya, banyak masalah-masalah yang timbul. Disamping menanggung beban kewangan yang begitu ketara, Majlis-Majlis Tempatan ini tidak dapat menjalankan usaha-usaha pembangunan kawasan seperti kampung tradisional, tanah lapang, kawasan pertanian dan ekonomi dan sosial di kawasanya. Justeru itu kerajaan negeri telah mengambil satu langkah proaktif untuk mewujudkan satu Majlis Daerah.


Akhirnya **Majlis Daerah Jelevu** telah diisytiharkan dengan rasminya pada **28 Ogos 1980** melalui Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) yang mempunyai keluasan kawasan 1,368 km persegi. Ia terbahagi kepada 2 kawasan iaitu keluasan kawasan operasi 48.17 km persegi yang meliputi kawasan seperti pekan-pekan kecil, taman-taman perumahan, kampung baru dan sebagainya. Manakala keluasan kawasan kawalan adalah 59.56 km persegi yang meliputi sebahagiannya. Merancang, menyelaras dan merealisasikan segala aktiviti ekonomi sedia ada dan memperkenalkan idea kreatif yang berpotensi untuk memastikan Jelevu tidak ketinggalan dari arus pembangunan tanpa menjejaskan keharmonian alam flora dan fauna bagi mengekalkan bumi nan hijau lagi damai dan tenang selaras pusat '*agro-tourism*' yang terunggul.

CARTA ORGANISASI





FUNGSI DAN PERANAN






STAKEHOLDERS DAN PELANGGAN

STAKEHOLDERS

SUK

AHLI MAJLIS DAERAH JELEBU

KERAJAAN NEGERI



PELANGGAN

Penduduk

Pelawat/ Pelancong

Kakitangan Kerajaan dan Swasta

Pemilik kediaman/ Premis Perniagaan

NGO



ANALISIS PERSEKITARAN

KEKUATAN

- ✚ Sumber Kewangan Kukuh Dan Dalam Kawalan
- ✚ Sumber Manusia Yang Kompeten, Profesional Dan Berintegriti
- ✚ Pemilikan Aset
- ✚ Kemudahan ICT
- ✚ Sikap Untuk Berdaya Saing
- ✚ Kerjasama Bistari
- ✚ Pengurusan Yang Cepak
- ✚ Sistem Yang Komprehensif
- ✚ Staf Yang Cukup Dan Berpengalaman
- ✚ Kepimpinan Yang Dinamik
- ✚ Pelan Pembangunan Yang Terancang
- ✚ Teamwork Dan Komitmen Kakitangan Yang Tinggi
- ✚ Bilangan Kakitangan Yang Mencukupi
- ✚ Transformational Leadership

KELEMAHAN

- ✚ Kepimpinan Sentiasa Berubah
- ✚ Tiada Unit Perancangan Strategik (Sumber Manusia)
- ✚ Undang-undang Kecil Yang Lapuk
- ✚ Kurang Kerjasama Antara Jabatan
- ✚ Sumber Kewangan Yang Terhad
- ✚ Tiada Insentif untuk Menggalakkan Pelaburan
- ✚ Masih Menggunakan Kadar Lama Untuk Penilaian Cukai
- ✚ Penguatkuasaan Yang Kurang Efektif
- ✚ Sumber Hasil Terhad
- ✚ Kakitangan Yang Kurang Mahir
- ✚ Kekurangan Penggunaan Teknologi Terkini
- ✚ Ruang Pejabat Yang Sempit Dan Terhad
- ✚ Prospek Kerjaya Yang Terhad
- ✚ Peralatan Kerja Yang Terhad



PELUANG

- ✚ Sokongan Kerajaan
- ✚ Sumber Kawasan / Hasil Baru
- ✚ Ibu Negeri
- ✚ Kawasan –Kawasan Berpotensi
- ✚ Peluang pelaburan
- ✚ Kekuatan Hasil Baru Dalam Penilaian Semula Cukai Taksiran
- ✚ Penglibatan Peduduk / Aduan
- ✚ Eco-Tourism
- ✚ Kawasan / Tapak Sejarah
- ✚ Aset Lombang Emas
- ✚ Sistem Politik Yang Stabil
- ✚ Masyarakat Yang Responsif
- ✚ Kewujudan Akta dan Undang-undang/ Undang-undang Kecil
- ✚ Bandar Diraja
- ✚ Kawasan Parlimen Timbalan Perdana Menteri
- ✚ Sokongan pemimpin politik dan pentadbiran
- ✚ Lokasi Yang Strategik- hampir dengan Ibu Negeri Kuantan
- ✚ Termasuk Dalam Kawasan ECER/NCER
- ✚ Bandar Automotif
- ✚ Eco-tourism- Tasik Chini, Hutan Paya Gambut dan Sungai Pahang
- ✚ Banyak peluang pekerjaan
- ✚ Potensi pelabur yang tinggi



ANCAMAN

- ✚ Persepsi Negatif Masyarakat
- ✚ Campur Tangan Politik
- ✚ Industri tak sah
- ✚ Pekerja Asing Terlalu Ramai
- ✚ Kegagalan Syarikat Konsesi
- ✚ Kegawatan Ekonomi Menjejaskan Kadar Kemasukan Pelancong
- ✚ Pesaingan Antara Negeri Jiran
- ✚ Enakmen Tanah Adat
- ✚ Saingan Dengan Bandar Berdekatan
- ✚ Imigrasi Generasi Muda Ke Bandar
- ✚ Tahap Kesedaran ICT Penduduk Rendah
- ✚ Kegawatan Ekonomi
- ✚ Pemahaman Orang Awam
- ✚ Kerjasama Orang Awam
- ✚ Pertindihan Bidang Tugas
- ✚ Sampah Haram



VISI

Ke Arah Pembangunan Perbandaran
Yang Lestari Progresif Dan Inklusif
Menjelang Tahun 2045



MISI

Komited Dalam Memperkasakan
Perkhidmatan Perbandaran Yang Jitu,
Efisyen Dan Berintegriti Bagi
Merealisasikan Kesejahteraan Rakyat



NILAI-NILAI BERSAMA

BIJAKSANA

Sentiasa berusaha melaksanakan tugas dan tanggungjawab secara bijaksana berpandukan ilmu, kemahiran dan tahap profesionalisme yang tinggi. Membuat pertimbangan yang teliti dalam sesuatu tindakan serta membuat keputusan yang rasional berdasarkan fakta tertentu dengan mengambilkira kepentingan organisasi, perkhidmatan dan negara.

AMANAHAH

Menjalankan tugas dengan penuh komitmen, dedikasi dan rasa tanggungjawab selaras dengan akujanji yang telah diikrarkan.

KERJA BERPASUKAN

Mempunyai semangat kekitaan, berkerjasama, bertolak ansur dan sifat setia kawan dan muafakat yang tinggi untuk mencapai visi dan misi organisasi.

BERDISIPLIN

Sentiasa mengawal diri dan perilaku berlandaskan undang-undang peraturan, prinsip dan nilai-nilai murni. Melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan tekun dan taat tanpa penyeliaan yang rapi dan sentiasa menjaga imej diri, organisasi, perkhidmatan dan negara di kaca mata masyarakat.

AKAUNTABILITI

Mempunyai rasa tanggungjawab dan akauntabiliti di dalam setiap tindakan dan kelakuan.

INTERGRITI

Melaksanakan amanah dan kuasa yang diberikan dengan jujur dan saksama. Berkhimat dengan penuh komitmen dan bertanggungjawab serta sempurna dan utuh.

ADIL

Sentiasa berusaha membuat pertimbangan yang saksama dan sama rata dalam setiap tindakan dan keputusan berasaskan undang-undang, peraturan, keutamaan dan fakta yang lengkap dan tepat. Penilaian terhadap sesuatu tindakan atau keputusan dibuat secara objektif dan analitikal dengan menggunakan kaedah yang betul serta memuaskan semua pihak terlibat.

TELUS

Sentiasa bersikap positif dan terbuka dengan mewujudkan prosedur kerja dan melaksanakan tindakan yang telus, lengkap serta menyelesaikan kerja mengikut masa yang ditetapkan. Berusaha memaklumkan maklumat, tindakan dan keputusan yang telah diambil kepada pihak yang berhak selagi ianya tidak bercanggah dengan undang-undang dan peraturan.



OBJEKTIF STRATEGIK

1. **MEMPERTINGKATKAN KEUPAYAAN DAN KAPASITI MAJLIS**
2. **MEMPERKASAKAN TADBIR URUS MAJLIS**
3. **MEMPERKUKUH DAN MEMANTAPKAN SUMBER HASIL MAJLIS**
4. **MEMPERTINGKATKAN KUALITI HIDUP KOMUNITI**
5. **MEMANTAPKAN KOLABORASI STRATEGIK**

STRATEGI, PELAN TINDAKAN DAN KPI

1. MEMPERTINGKATKAN KEUPAYAAN DAN KAPASITI MAJLIS

STRATEGI	PELAN TINDAKAN	KPI	INDIKATOR/TAHUN SASARAN
Memantapkan pembangunan organisasi	Memperkuhkan struktur dan Skim Perkhidmatan organisasi Memantapkan penghayatan budaya organisasi cermerlang	Penarafan dalam Star Rating PBT	Mendapatkan penarafan sekurang-kurangnya 4 bintang
Memantapkan pengurusan sumber manusia	Mewujudkan Pelan Komprehensif Sumber Manusia Mempertingkatkan kompetensi pegawai Memantapkan pengurusan prestasi	Tahap kompetensi pekerja	LNPT pegawai melebihi 70% setiap tahun

Mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif	Mengoptimumkan penggunaan teknologi dalam penyampaian perkhidmatan Mempertingkatkan jalinan hubungan antara pihak pengurusan- pekerja Meningkatkan kemudahan dan fasiliti pejabat	Tahap kepuasan pekerja	Tahap kepuasan melebihi 75% setiap tahun
---------------------------------------------	-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	------------------------	------------------------------------------

2. MEMPERKASAKAN TADBIR URUS MAJLIS

STRATEGI	PELAN TINDAKAN	KPI	INDIKATOR/ TAHUN SASARAN
Meningkatkan kecekapan pengurusan kawalan dalaman	Memperkukuhkan dan melaksanakan sistem pemantauan pengurusan Mempertingkatkan penerapan dan penghayatan nilai-nilai murni Mengoptimumkan kos operasi Majlis	Indeks Akauntabiliti (Audit Negara) Prestasi perbelanjaan	Mendapat penarafan sekurang-kurangnya 3 Bintang Mencapai perbelanjaan seimbang antara hasil dan perbelanjaan

<p>Memantapkan sistem dan prosedur kerja</p>	<p>Menyemak pemakaian dan keberkesanan peraturan/ undang-undang sedia ada</p> <p>Merekayasa dan menambah baik sistem dan prosedur kerja</p> <p><i>Business Process Reengineering(BPR)</i></p>	<p>Tahap kepuasan pelanggan</p>	<p>Tahap kepuasan melebihi 75 % setiap tahun</p>
<p>Mempertingkatkan keberkesanan penguatkuasaan</p>	<p>Mewujudkan kod etika dan amalan terbaik penguatkuasaan</p> <p>Melaksanakan tindakan penguatkuasaan secara bersepadu</p> <p>Mempertingkatkan kemahiran dan keupayaan anggota penguatkuasa</p>	<p>Jumlah kes yang disabitkan</p> <p>Jumlah kompaun yang dikenakan</p>	<p>Jumlah kes yang tidak dapat disabitkan tidak melebihi 5 % setahun</p>

3. MEMPERKUKUHKAN DAN MEMANTAPKAN SUMBER HASIL MAJLIS

STRATEGI	PELAN TINDAKAN	KPI	INDIKATOR/ TAHUN SASARAN
Memantapkan keupayaan kutipan hasil	<p>Mempelbagaikan kaedah kutipan dan saluran pembayaran hasil</p> <p>Meningkatkan kecekapan sistem pemantauan kutipan hasil</p> <p>Mempertingkatkan keberkesanan kutipan hasil tertunggak</p>	<p>Jumlah kutipan hasil</p> <p>Jumlah kutipan hasil tertunggak</p>	<p>Jumlah kutipan hasil melebihi 80% dari anggaran</p> <p>Jumlah kutipan melebihi 50% dari jumlah keseluruhan hasil tertunggak</p>
Mempelbagaikan sumber hasil	<p>Memperkasa dan memperhebatkan kegiatan ekonomi dan pelaburan yang berimpak tinggi</p> <p>Meningkatkan kemudahan dan peluang kegiatan sosio ekonomi Bandar</p> <p>Menggalakkan pertumbuhan dan pembangunan kawasan penempatan baru</p>	<p>Jumlah hasil dari sumber</p> <p>Pertumbuhan ekonomi penduduk</p>	<p>Jumlah hasil meningkat sebanyak 80% setiap tahun</p> <p>Peningkatan 5% pertumbuhan ekonomi penduduk</p>

4. MEMPERTINGKATKAN KUALITI HIDUP KOMUNITI

STRATEGI	PELAN TINDAKAN	KPI	INDIKATOR/ TAHUN SASARAN
Meningkatkan kemudahan dan infrastruktur awam	<p>Membangunkan Pelan Pembangunan Kemudahan dan Infrastruktur Awam yang komprehensif</p> <p>Mempermudahkan proses penyediaan kemudahan dan infrastruktur oleh jabatan/ agensi Kerajaan dan pihak berkepentingan</p>	Tahap kepuasan pelanggan	Tahap kepuasan melebihi 75% setiap tahun
Mempertingkatkan kualiti perkhidmatan perbandaran	<p>Mempertingkatkan pengawalseliaan terhadap syarikat konsesi</p> <p>Pusat Maklum Balas Komuniti dan Jawatankuasa Perwakilan Penduduk</p>	<p>Tahap kepuasan pelanggan</p> <p>Aduan komuniti</p>	<p>Tahap kepuasan melebihi 65% setiap tahun</p> <p>Setiap tahun 50% aduan komuniti dapat diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan</p>
Mewujudkan persekitaran yang indah, bersih,	Memastikan pelaksanaan projek pembangunan selaras dengan kelulusan yang diberi	<i>Malaysian Urban Rural National</i>	Nilai skor kemampuan 80%

selamat dan selesa	<p>Meningkatkan kesedaran dan menerapkan budaya kebersihan persekitaran</p> <p>Melaksanakan Pelan Pembangunan Landskap</p> <p>Meningkatkan penghayatan dan kesedaran gaya hidup sihat</p> <p>Meningkatkan kesedaran penjagaan alam sekitar</p>	<p><i>Indicators Network (MURNInets)</i></p> <p>Pelan Induk Landskap</p> <p>Local Agenda 21</p>	<p>Peningkatan Keselesaan dan Riadah Komuniti 50%</p> <p>Kempen Kemasyarakatan</p> <p>Kempen 'Go Green'</p>
Memperkukuhkan pengurusan aset dan fasiliti awam	<p>Mempertingkatkan Penyelenggaraan Fasiliti Awam</p> <p>Mempertingkatkan Penggunaan Sistem Pengurusan Aset (e-Aset)</p>	<p>Kos penyelenggaraan</p> <p>Jangka hayat aset dan kemudahan</p>	<p>Penurunan 5% kos penyelenggaraan dan aduan awam</p> <p>Peningkatan 10 % jangka hayat aset dan kemudahan</p>

5. MEMANTAPKAN KOLABORASI STRATEGIK

STRATEGI	PELAN TINDAKAN	KPI	INDIKATOR/ TAHUN SASARAN
Memantapkan jaringan kerjasama dengan pihak-pihak berkepentingan	<p>Mewujudkan mekanisme penyelarasan pelaksanaan dengan agensi Kerajaan, NGO's serta pihak swasta</p> <p>Mempertingkatkan perkongsian sumber, tanggungjawab dan kepakaran dengan PBT yang bersempadan</p>	<p>Local Agenda 21</p> <p>Bilangan kerjasama strategik</p>	<p>Tahap kepuasan melebihi 75% setiap tahun</p> <p>Peningkatan 5% bilangan kerjasama strategik</p>
Memperkukuhkan jalinan dan penyertaan komuniti dalam aktiviti dan program Majlis	Mempertingkatkan penglibatan komuniti dalam perancangan dan pelaksanaan program Majlis	Penyertaan komuniti	5% penglibatan komuniti dalam perancangan program/ aktiviti
Memperkasa imej Majlis	<p>Penjenamaan Semula Majlis</p> <p>Mempertingkatkan keberkesanan program promosi</p>	Persepsi Masyarakat	50% masyarakat berpandangan positif terhadap Majlis

PETA STRATEGI

Peta Strategi (Strategy Map) memberi gambaran menyeluruh terhadap strategi-strategi yang akan dilaksanakan bagi mencapai matlamat sebagaimana yang ditetapkan. Terdapat 16 bulatan (bubble) dalam peta strategi, dan tiap bulatan merupakan strategi yang perlu dilaksanakan bagi mencapai objektif strategik yang telah ditetapkan dalam tempoh masa pelaksanaan Pelan Strategik ini. Pencapaian strategi dan objektif strategik ini boleh diukur berdasarkan KPI yang telah ditetapkan.

Peta Strategi ini dibahagikan kepada empat (4) perspektif utama iaitu Perspektif Pelanggan, Perspektif Kewangan, Perspektif Proses Dalaman serta Perspektif Pembelajaran dan Pertumbuhan.

PETA STRATEGI MAJLIS DAERAH JELEBU 2020 - 2024

PELANGGAN

C1-
Mempertingkatkan
kemudahan dan
infrastruktur awam

C2-
mempertingkatkan
kualiti perkhidmatan
perbandaran

C3-
Mewujudkan
persekitaran yang
indah, bersih, selamat
dan selesa

C4-
Memperkuuhkan jalinan
dan penyertaan komuniti
dalam aktiviti dan
program majlis

KEWANGAN

F1-
Memantapkan
keupayaan kutipan
hasil

F2-
Mempelbagaikan
sumber hasil

PROSES DALAMAN

P1-
Meningkatkan
kecekapan
pengurusan
kawalan dalaman

P2-
Mempertingkatkan
keberkesanan
penguatkuasaan

P3-
Memantapkan system
dan prosedur kerja

P4-
Memperkuuhkan
pengurusan aset dan
fasiliti awam

P5-
Memantapkan
jaringan kerjasama
dengan pihak
berkepentingan

PEMBELAJARAN & PERTUMBUHAN

Memantapkan
Pembangunan
Organisasi

L2-
Memantapan
Pengurusan
Sumber Manusia

L3-
Mewujudkan
Persekitaran Kerja
Yang Kondusif

L4-
Memperkasa
imej Majlis

PENUTUP

Sistem penyampaian perkhidmatan awam yang cekap amat diperlukan bagi menjamin kelancaran dan keberkesanan pelaksanaan dasar dan strategi pembangunan negara. Ia juga bagi memenuhi tuntutan dan ekspektasi rakyat dan masyarakat perniagaan yang terus meningkat. Justeru, Pelan Strategik Majlis Daerah Jelebu telah mengariskan beberapa objektif strategik dan strategi serta pelan tindakan yang perlu dilaksanakan. Tumpuan akan diberikan kepada usaha penambahbaikan mekanisme pelaksanaan, penyelarasan, pemantauan dan penilaian agar program yang dirancang dapat dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan serta pencapaiannya dapat dikukur berdasarkan KPI berkaitan. Pelan strategik ini juga akan dijadikan sebagai rangka kerja kepada pihak pengurusan untuk memantau hala tuju organisasi serta meningkatkan keupayaan dalamannya bagi mencapai visi dan misi yang telah ditetapkan.